

Usaha tarik balik sekatan terhadap Iraq perlu dimulakan

UM 18 SEP 2002

SHAH ALAM 17 Sept. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, usaha untuk menarik balik sekatan terhadap Iraq perlu dimulakan sekarang berikutan persetujuan negara itu membenarkan pemeriksaan senjata Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menjalankan tugas mereka tanpa syarat.

Menurut Perdana Menteri, ia perlu dilakukan segera memandangkan sekatan tersebut selama ini hanya menyiksa rakyat Iraq dan bukannya Presiden Saddam Hussein.

“Dengan persetujuan tersebut, perlu ada tindakan untuk tarik balik sekatan.

“Sekatan tidak menjejaskan Saddam Hussein sebaliknya menyiksa banyak orang miskin, orang tua, kanak-kanak dan ibu-ibu mengandung (dan) merekalah yang membayar harganya,” kata beliau.

Perdana Menteri berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan ucapan pada seminar dua hari *Memahami Ma-*

laysia Sebagai Sebuah Negara Islam di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sini, hari ini.

Semalam, Iraq membuat tawaran membenarkan pemeriksaan senjata PBB meneruskan tugas mereka tanpa syarat selepas menghalau mereka hampir empat tahun lalu selepas menerima tekanan daripada badan dunia itu.

Di bawah syarat gencatan senjata Perang Teluk pada tahun 1991, para pemeriksa senjata PBB perlu mengesahkan pembatalan semua program senjata biologi, kimia, nuklear dan misil jarak jauh Iraq sebelum sekatan itu dapat ditarik balik.

Malaysia merupakan antara negara yang menyeru Iraq supaya membenarkan kemasukan semula pemeriksa senjata berkenaan bagi mengelakkan serangan Amerika Syarikat dan sekutunya.

AS dan Britain baru-baru ini meningkatkan ancaman untuk menyerang Iraq atas alasan negara itu menaja keganasan walau-

pun menerima tentangan hebat dari negara-negara lain.

Perdana Menteri turut membidas negara-negara yang melabelkan Saddam Hussein sebagai kejam tetapi pada masa yang sama menzalimi rakyat Iraq dengan mengenakan sekatan.

“Anda menyatakan Saddam orang yang kejam tetapi anda sendiri tidak membuat perkara baik terhadap orang-orang ini (rakyat Iraq), tetapi menghukum mereka atas sesuatu yang tidak mereka lakukan,” tegasnya.

Mengenai kemungkinan lebih banyak tangkapan dibuat terhadap kumpulan-kumpulan militan, Dr. Mahathir berkata, ia akan dilakukan sekiranya mereka dapat dikenal pasti.

“Jika kita dapat kenal pasti kita akan tangkap kerana kita tidak boleh biarkan mereka menggunakan demokrasi untuk menepikan demokrasi,” kata Perdana Menteri.